



1 NEGERI SEMBILAN
Almarhum Tuanku Abdul Rahman Ibrni Almarhum Tuanku Muhammad (31 Ogos 1957 - 1 April 1960)

2 SELANGOR
Almarhum Sultan Hisamuddin Alam Shah Ibrni Almarhum Sultan Alauddin Sulaiman Shah (14 April 1960 - 1 September 1960)

3 PERLIS
Almarhum Tuanku Syed Putra Ibrni Almarhum Syed Hassan Jamalullail (21 September 1960 - 20 September 1965)

TERENGGANU
Almarhum Tuanku Ismail Nasiruddin Shah Ibrni Almarhum Sultan Zainal Abidin (21 September 1965 - 20 September 1970)

KEDAH
Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah Ibrni Almarhum Sultan Badlishah (21 September 1970 - 20 September 1975)

KELANTAN
Almarhum Sultan Yahya Petra Ibrni Almarhum Sultan Ibrahim (21 September 1975 - 29 Mac 1979)

PAHANG
Sultan Ahmad Shah Al-Musta'in Billah Ibrni Almarhum Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al-Mu'adzam Shah (26 April 1979 - 25 April 1984)

JOHOR
Almarhum Sultan Iskandar Ibrni Almarhum Sultan Ismail (26 April 1984 - 25 April 1989)

PERAK
Almarhum Sultan Azlan Muhibuddin Shah Ibrni Almarhum Sultan Yusuff Izzuddin Shah Ghafarullahu-lah (26 April 1989 - 25 April 1994)

NEGERI SEMBILAN
Almarhum Tuanku Ja'afar Ibrni Almarhum Tuanku Abdul Rahman (26 April 1994 - 25 April 1999)

GILIRAN KELANTAN

Mohd Nasif Badrudin
mnasif@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Mesyuarat Majlis Raja-Raja Ke-243 (Khas) hari ini akan memilih Yang di-Pertuan Agong dan Timbalan Yang di-Pertuan Agong baharu.

Semalam dan kelmarin berlangsung Mesyuarat Majlis Raja-Raja Ke-242 di Istana Negara, Jalan Duta, di sini. Jawatan Yang di-Pertuan Agong ke-14 ketika ini disandang Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah Ibrni Almarhum Sultan Badlishah berkuat kuasa 13 Disember 2011 dan tempoh perkhidmatan Baginda akan berakhir 12 Disember ini.

Sultan Kelantan Sultan Muhammad V yang kini menyandang jawatan Timbalan Yang di-Pertuan Agong akan berada pada giliran sebagai Yang di-Pertuan Agong ke-15 berdasarkan sistem penggilirian Raja

dari sembilan negeri sebelum ini. Bagaimanapun, jika Sultan Muhammad V menolak pemilihan itu, mengikut sistem penggilirian, Sultan Pahang Sultan Ahmad Shah akan dipilih menjadi Yang di-Pertuan Agong ke-15.

Begitupun, ia bukan satu kemestian dan bergantung kepada keputusan Majlis Raja-Raja yang akan mengundi secara rahsia.

Sebelum ini, Raja yang paling kanan dari segi pemerintahan dipilih, namun ia tidak lagi diguna pakai selepas semua Raja dari sembilan negeri dipilih menjadi Yang di-Pertuan Agong dan pusingannya berakhir selepas Sultan Perak dilantik sebagai Yang di-Pertuan Agong kesembilan.

Selepas itu senarai baharu dikenali sebagai senarai yang disusun semula dan diguna pakai sekarang adalah berpandukan kepada kekananan negeri yang rajanya dipilih menjadi Yang di-Pertuan Agong (Yang di-Pertuan Agong Pertama hingga

Namun keputusan pemilihan Yang di-Pertuan Agong Ke-15 hanya ditentukan melalui undi secara sulit

Kesembilan) mengikut Jadual Ketiga Perlembagaan Persekutuan.

Mengikut prosiding pemilihan, apabila Majlis Raja-Raja bersidang untuk memilih Yang di-Pertuan Agong dan Timbalan Yang di-Pertuan Agong, Yang di-Pertua Negeri tidak hadir walaupun mereka anggota Majlis.

Pemilihan dibuat secara undi sulit dan kertas undi yang digunakan tidak bernombor serta ditandakan dengan pen dan dakwat yang sama sebelum dimasukkan ke dalam peti undi serta dimusnahkan di hadapan Raja-Raja sebaik sahaja keputusan undian diumumkan.

Raja yang paling muda dari segi pemerintahan dan tidak tersenarai sebagai calon Yang di-Pertuan Agong dan Timbalan Yang di-Pertuan Agong dipilih untuk mengira kertas undi bersama dengan Penyimpan Mohor

Besar Raja-raja.

Dalam mesyuarat pemilihan itu, hanya Raja-Raja, Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja dan Penolong Setiausaha Majlis Raja-Raja sahaja yang terbabit dalam proses pemilihan.

Selepas proses pemilihan selesai dijalankan, Majlis akan mengisytiharkan Raja yang dipilih sebagai Yang di-Pertuan Agong dan Timbalan Yang di-Pertuan Agong untuk memegang jawatan itu bagi tempoh lima tahun.

KEDAH
Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah Ibrni Almarhum Sultan Badlishah (13 Disember 2011 sehingga kini)

TERENGGANU
Tuanku Mizan Zainal Abidin Ibrni Almarhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah (13 Disember 2006 - 12 Disember 2011)

PERLIS
Tuanku Syed Sirajuddin Ibrni Almarhum Tuanku Syed Putra Jamalullail (13 Disember 2001 - 12 Disember 2006)

SELANGOR
Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Ibrni Almarhum Sultan Hisamuddin Alam Shah (26 April 1999 - 21 November 2001)

NEGERI SEMBILAN
Almarhum Tuanku Ja'afar Ibrni Almarhum Tuanku Abdul Rahman (26 April 1994 - 25 April 1999)

PERAK
Almarhum Sultan Azlan Muhibuddin Shah Ibrni Almarhum Sultan Yusuff Izzuddin Shah Ghafarullahu-lah (26 April 1989 - 25 April 1994)

PAHANG
Sultan Ahmad Shah Al-Musta'in Billah Ibrni Almarhum Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al-Mu'adzam Shah (26 April 1979 - 25 April 1984)

JOHOR
Almarhum Sultan Iskandar Ibrni Almarhum Sultan Ismail (26 April 1984 - 25 April 1989)

KELANTAN
Almarhum Sultan Yahya Petra Ibrni Almarhum Sultan Ibrahim (21 September 1975 - 29 Mac 1979)

